

19 JUL 1999

Ibrahim-Perhimpunan

MAHATHIR HADIRI PERHIMPUNAN SISWAZAH ITM

SHAH ALAM, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri satu perhimpunan siswazah Institut Teknologi Mara (ITM) di sini bulan depan.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, selaku pengerusi jawatankuasa perhimpunan itu, berkata Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan bertajuk "Cabaran Teknokrat Bumiputera Dalam Menghadapi Alaf Baru."

Perhimpunan itu akan diadakan di Stadium Malawati pada 26 Ogos.

Ibrahim berkata perhimpunan anjuran Jabatan Perhubungan Alumni ITM itu bertujuan mengukuhkan lagi hubungan silaturahim di kalangan siswazah ITM di seluruh negara.

"Ia juga diharapkan dapat memberikan gambaran jelas kepada siswazah mengenai perancangan masa depan dan peranan mereka menjelang alaf baru," katanya pada persidangan berita di Stadium Malawati petang ini.

Katanya perhimpunan itu diadakan atas permintaan beberapa anggota alumni ITM sendiri yang mahukan peluang untuk bertemu serta berdialog dengan Perdana Menteri dan mendengar amanatnya secara lebih dekat.

Ibrahim berkata kira-kira 10,000 bekas pelajar ITM dijangka membanjiri Stadium Malawati untuk memeriahkan perhimpunan itu, kebanyakannya terdiri daripada ahli korporat, ahli perniagaan dan kakitangan kerajaan yang telah berjaya.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri akan menyampaikan anugerah khas kepada seorang tokoh bekas pelajar ITM yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang yang diceburinya, kata beliau.

Katanya tokoh itu merupakan lambang kejayaan bumiputera Melayu dan harus dijadikan teladan kepada pelajar bumiputera sekarang.

Ibrahim berkata perhimpunan itu dibuka secara percuma kepada orang ramai, khususnya anggota alumni ITM. Bagaimanapun memandangkan ruang stadium yang terhad, mereka yang ingin menyertainya diminta menghubungi Jabatan Perhubungan Alumni ITM dengan menelefon 03-558 1243/03 atau 03-552 9077/8/9 sambungan 1416/7.

-- BERNAMA

AZH NMO